

# Universiti perlu pupuk nilai murni

## Abdullah gesa IPT majukan modal insan

Oleh Ahmad Naim Tahir  
bhnews@bharian.com.my

**N**ILAI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan mengisi komponen tertentu dalam setiap program pengajian ditawarkan yang boleh berfungsi memupuk nilai murni, membina kemahiran serta memperkasa keyakinan diri pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat serta alam pekerjaan.

Perdana Menteri berkata, komponen berkenaan termasuk kemahiran berkomunikasi dan penggunaan teknologi maklumat (IT), keusahawanan, pemikiran kreatif dan kritis, asas pengurusan serta kelebihan berkaitan lain selain daripada teras pengajian dari asas teori dan praktikal.

"Kerajaan mencetuskan satu pergerakan untuk mengubah sistem pendidikan negara, termasuk pada peringkat pengajian tinggi dalam usaha membangunkan modal insan dikehendaki. Satu daripada aspek perubahan itu ialah menambah baik dan mengemas kini kurikulum.

"Program pengajian di IPT perlu mengambil kira keperluan semasa masyarakat dan negara, khususnya konteks global. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan program berbentuk *double major* atau *major minor* bagi memberi nilai tambah kepada program pengajian, khu-

susnya yang bersifat kurang kompetitif," katanya ketika berucap merasmikan kampus Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Bandar Baru Nilai, dekat sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor dan Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Abdullah berkata, penubuhan Usim selaras dengan komitmen kerajaan untuk memastikan tiada golongan dipinggirkan daripada arus pembangunan perdana dan ia terbukti apabila universiti itu kini menyediakan tempat kepada lebih 4,000 pelajar yang semuanya lepasan sekolah aliran agama.

"Sebelum ada Usim, sebahagian besar pelajar sekolah agama terpaksa menyambung pengajian di Mesir, Arab Saudi, Jordan dan Syria, tetapi di Usim mereka

bukan saja berpeluang belajar sains, ekonomi, pengurusan, kaunseling, komunikasi dan undang-undang, tetapi juga perubatan dan pergigian tanpa mengabaikan ilmu agama," katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, Malaysia berpotensi menjadi pusat tumpuan ilmu di kalangan negara Islam seluruh dunia berikutan infrastruktur pengajian yang sudah tersedia, selain sokongan dua komponen penting lain bagi mencapai sasaran itu.

Katanya, kemudahan infrastruktur untuk pendidikan memang diberi tumpuan oleh kerajaan yang sentiasa bersedia menyalurkan peruntukan diperlukan institusi pengajian tinggi.

"Kejayaan universiti bergantung kepada struktur, infrastruktur dan budaya," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Katanya, struktur berkait dengan sumber manusia dari segi pengajar, pentadbir, pelajar dan kepimpinan pengurusan dengan keberkesannya bergantung kepada bagaimana sumber manusia digerakkan untuk menyumbang secara maksimum.

"Infrastruktur dari segi kemudahan pembelajaran disediakan kerajaan, manakala aspek budaya adalah pelengkap menentukan pencapaian institusi akademik. Budaya kerja berprestasi tinggi dan kecemerlangan akademik perlu diterapkan warga IPT," katanya.

**“**Program pengajian di IPT perlu mengambil kira keperluan semasa masyarakat dan negara, khususnya dalam konteks global**”**

**Abdullah Ahmad  
Badawi**  
Perdana Menteri